

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ZALI BIN MAT YASIN

TARIKH : 20 APRIL 2016 (RABU)

SOALAN : 6

Datuk Zali bin Mat Yasin minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mempunyai kaedah dan tindakan khusus bagi mencegah atau mengambil tindakan penguatkuasaan secara efektif dalam memerangi aktiviti perjudian atas talian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah pada 25 April 2015** kerana menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan isu memerangi aktiviti perjudian dalam talian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan judi dalam talian adalah tertakluk di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sungguhpun demikian,

SOALAN NO: 6

kerjasama antara Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan PDRM telah sedia terjalin di dalam membanteras kegiatan judi dalam talian, meliputi aspek-aspek kerjasama pemantauan, pengesanan, perkongsian maklumat, dan aspek forensik digital.

Salah satu langkah lanjutan yang diambil bagi mengekang penularan laman web judi dalam talian adalah dengan melaksanakan sekatan akses terhadap laman web yang menawarkan perkhidmatan berunsur perjudian tersebut. Dari tahun 2012 sehingga bulan Mac 2016, sejumlah 664 laman web telah disekat aksesnya oleh SKMM berdasarkan permohonan bertulis daripada pihak PDRM bagi kesalahan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953,

Selain daripada itu, antara tahun 2015 hingga bulan Mac 2016, pihak SKMM telah menerima 416 aduan daripada masyarakat awam berhubung SMS berunsur perjudian. Pihak SKMM mengumpul maklumat yang diterima daripada aduan awam tersebut, mengenalpasti nombor-nombor telefon yang berkaitan untuk sekatan, dan turut memanjangkan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk siasatan lanjut pihak PDRM.

SKMM juga telah mengarahkan syarikat-syarikat telekomunikasi supaya menamatkan nombor-nombor yang terlibat. Setakat ini, lebih 8,000 nombor telefon telah ditamatkan perkhidmatannya kerana menyebarkan SMS berunsur perjudian.

SOALAN NO: 6

Selain itu, syarikat telekomunikasi juga telah mula menyediakan sistem tapisan bagi menyekat penghantaran SMS yang mempromosikan aktiviti perjudian dalam talian.

PERTANYAAN UNTUK DIJAWAB BERSEKALI

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH

TARIKH : 25 APRIL 2016 (ISNIN)

SOALAN : 30

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap syarikat yang menawarkan perjudian ala kasino melalui telefon bimbit.